

# SOLAT PENENTU KESEMPURNAAN IBADAH LAIN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي

بَدَرْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

(Surah Al-Israa', ayat 1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita pergunakan sisa-sisa hidup yang masih ada untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, dalam erti kata melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita berhasil menjadi orang yang bertaqwa dan beroleh kemuliaan di sisi Allah SWT sejajar firman-Nya:

... إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: "...Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)." (S. Al-Hujurat: 13).

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Berada di bulan Rejab adalah bulan Isra' dan mi'raj bererti akan menyusullah pula bulan Syaaban sebelum menjelangnya Ramadan al-Mubarak. Keistimewaan bulan-bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan terlihat dalam sepotong doa yang diriwayatkan oleh Anas RA daripada Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Ya Allah, Berkatilah kami pada bulan Rejab dan Syaaban, serta panjangkanlah umur kami hingga sampai ke bulan Ramadan". (diriwayatkan oleh Imam Baihaqi dalam al-Syua'ab, Ibn Abi al-Dunya dan Ibn Sunniy).

Allah SWT memuliakan bulan Rejab dengan menurunkan syariat mengerjakan solat atau sembahyang lima kali sehari semalam ke atas umat Islam. Rasulullah SAW menerima perintah itu ketika berada di Sidratul Muntaha iaitu perhentian terakhir baginda ketika naik ke langit bertemu dengan Allah SWT dalam peristiwa Israk dan Mikraj, yang terjadi pada 27 Rejab (tahun ke 11 baginda dilantik sebagai Rasul).

Daripada Anas RA, katanya: "Solat difardukan ke atas Nabi SAW pada malam Israk Mikraj sebanyak 50 kali. Kemudian dikurangi sehingga menjadi lima (rakaat). Kemudian Allah menyeru: "Wahai Muhammad, ia merupakan suatu ketetapan yang tidak boleh diubah lagi disisiKu. Dengan mengerjakan solat lima waktu ini, engkau tetap memperoleh ganjaran sama seperti mengerjakan solat sebanyak 50 kali itu." (HR Ahmad, At-Tirmizi)

Dengan hal yang demikian, pemfarduan solat atau sembahyang lima kali sehari semalam melambangkan tingginya nilai ibadah ini. Ia merupakan tiang agama yang bertindak sebagai penentu kepada keutuhan agama dan akidah serta akhlak seseorang yang mengaku dan bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah SWT.

### JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Tegasnya, sesiapa yang mendirikan solat atau sembahyang bererti dia telah mendirikan agama dan sesiapa yang meninggalkannya, bererti telah meruntuhkan agama yang dianutinya. Ini bertepatan dengan amaran Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

"Solat itu adalah tiang agama, maka sesiapa yang mendirikan solat, sesungguhnya dia telah menegakkan agamanya, dan sesiapa yang meninggalkannya, maka sesungguhnya dia telah meruntuhkan agamanya." (HR Bukhari dan Muslim).

Sehubungan itu, ibadat solat adalah satu daripada Rukun Islam yang wajib dilaksanakan setiap Muslim, sama ada lelaki atau perempuan dengan sempurna sebanyak lima waktu sehari semalam. Malah, solat juga pembeza antara Muslim dengan kafir sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Tonggak pemisah antara seorang Muslim dan kafir adalah solat" (HR Muslim).

Tuntutan mengerjakan solat tertera dalam banyak ayat al-Quran. Antaranya ialah firman Allah SWT:

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: " Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, Sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku." (S. Taahaa: 14).

Firman Allah SWT lagi:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفًا مِّنَ اللَّيْلِ ۚ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبَنَّ السَّيِّئَاتِ ۚ ذَٰلِكَ ذِكْرِي  
لِلذَّاكِرِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Dan dirikanlah sembahyang pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada ketika yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. Perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang yang mahu beringat.” (S. Hud: 114).

Berdasarkan kepada nas-nas perintah mengerjakan solat tersebut, ternyata betapa pentingnya kita semua memelihara lima solat wajib iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak. Dan sebaik-baiknya solat itu dikerjakan pada awal waktu dalam keadaan khusyuk memandangkan kesempurnaan solat penentu kejayaan seseorang selaras dengan firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya,” (S. Al-Mukminun, 1-2).

### HADIRIN MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Seperti yang dimaklumi, masih ramai di kalangan umat Islam yang lalai serta mencuaikan kewajipan solat atau sembahyang. Antara sebabnya ialah kurangnya didikan agama selain tiada ketegasan serta komitmen dalam sesebuah keluarga untuk mendirikan solat. Keadaan itu diparahkan lagi dengan kewujudan elemen-elemen yang melalaikan seperti hiburan, permainan di telefon pintar atau komputer, sukan dan lain-lain lagi.

Lalai dalam solat bererti jarang-jarang atau tidak mengerjakan solat. Termasuk juga dalam pengertian lalai dalam solat itu perbuatan lewat-lewatkan solat sehingga hampir luput waktu. Dan perlu diinsafi bahawa mereka yang cuai dalam mendirikan solat akan disiksa di akhirat seperti mana amaran Allah SWT dalam firman-Nya:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “Maka kecelakaan besar bagi orang ahli sembahyang (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya.” (S. Al-Maa’uun: 4-5).

Dalam pada itu, adalah amat malang apabila seseorang yang menunaikan solat tetapi solatnya tidak dapat mencegah dirinya daripada melakukan kemungkaran. Ini kerana, antara hikmah solat lima waktu itu adalah sebagai suatu perisai atau benteng yang akan memelihara manusia daripada segala kemungkaran dan maksiat.

Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Yang bermaksud: “Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.” (S. Al-Ankabut: 45).

Ayat ini menjelaskan bahawa apabila seseorang itu berupaya melakukan solat seperti yang ditentukan iaitu cukup dengan rukun, syarat-syarat sah dan dikerjakan dalam keadaan khushyuk, serta solat itu diterima Allah SWT, maka solat itu akan mencegah pelakunya daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran. Sedangkan orang yang tidak solat atau jarang solat telah gugur daripada dirinya satu kekuatan yang boleh mencegah dirinya daripada melakukan kejahatan.

## SAUDARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Dalam menyongsong fardu puasa Ramadan yang bakal tiba, marilah kita insafi dan sedari bersama bahawa amalan puasa tidak akan sempurna jika kewajipan solat tidak ditunaikan dengan baik dan sempurna. Ini kerana solat lima waktu adalah amalan pertama yang dihisab di akhirat nanti dan ia menjadi pokok perkiraan kepada ibadat lain. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

*“Amalan yang pertama dihisab daripada seorang hamba pada hari Kiamat ialah solat. Jika baik (solatnya), maka baiklah seluruh amalannya. Jika rosak (solatnya), maka rosaklah seluruh amalannya.”* (HR At-Thabarani).

Dengan berpandukan kepada mafhum sabda Rasulullah SAW tersebut, kita beroleh pengajaran bahawa amalan orang yang berzakat, berpuasa, menunaikan haji dan sebagainya menjadi sia-sia jika sekiranya kesempurnaan solat diabaikan. Oleh kerana itu, bersama-samalah kita gerakkan ahli keluarga kita masing-masing untuk memelihara solat lima waktu dengan penuh khushyuk dan tawaduk pada setiap masa. Sesungguhnya, kesan solat yang khushyuk dan fokus sepenuhnya akan memberi impak besar pada fizikal, spiritual, psikologi dan kesihatan hidup seharian hatta berupaya mentransformasi diri menjadi Muslim yang bertaqwa.

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعِيقَابُ لِلتَّقْوَى

Maksudnya: “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa.” (S. Taahaa: 132).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.